



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA
ARKIB NEGARA MALAYSIA

TEKS UCAPAN ALUAN

**YBRS. ENCIK JAAFAR SIDEK BIN HAJI ABDUL
RAHMAN
KETUA PENGARAH ARKIB NEGARA MALAYSIA**

SEMPENA

**PERSIDANGAN
PENGURUSAN PERUBAHAN
PENDIGITALAN PENGURUSAN REKOD
SEKTOR AWAM 2022**

6 SEPTEMBER 2022 (KHAMIS)

9.00 PAGI

HOTEL THE EVERLY PUTRAJAYA

Bismillahirrahmanirrahim

(SALUTASI)

YBhg. Tan Sri, Datuk Seri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan- Puan, hadirin hadirat yang dikasihi sekalian

Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia, Salam Arkib Inti Pati Masa

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya dapat kita sama-sama berkumpul di Persidangan Pengurusan Perubahan Pendigitalan Pengurusan Rekod Sektor Awam 2022 pada pagi yang berbahagia ini. Sebagai pemula bicara, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara atas kesudian menyampaikan ucap tama dan merasmikan Persidangan Pengurusan Perubahan Pendigitalan Pengurusan Rekod Sektor Awam 2022 ini sebentar lagi. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) atas sokongan padu bagi Arkib Negara Malaysia bagi menganjurkan persidangan ini. Ucapan terima kasih juga saya zahirkan kepada pihak MAMPU khususnya Bahagian Pembangunan Aplikasi dan Bahagian Pengurusan Perubahan 1, serta pihak Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (CGSO) dalam berganding bahu membantu menjayakan persidangan kali ini. Sekalung penghargaan kepada Pengurusan Tertinggi sektor awam dan Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) (Persekutuan dan Negeri) serta

peserta persidangan yang hadir secara fizikal mahupun secara dalam talian bagi menjayakan persidangan ini. Sesungguhnya, penglibatan hadirin sekalian dapat menyumbang kepada kejayaan pengurusan rekod kerajaan yang lebih cemerlang dalam memperkasa tadbir urus negara.

2. Bagi pihak Arkib Negara Malaysia, saya amat bersyukur kerana dapat menganjurkan persidangan ini kembali secara fizikal setelah dua tahun diuji dengan wabak pandemik COVID-19. Konvensyen Pengurusan Rekod telah diadakan sejak tahun 2007 dengan pelbagai fokus bagi memastikan tadbir urus pengurusan rekod negara sentiasa diperkasa. Kali terakhir, ia diadakan pada 21 September 2021 dalam keadaan negara masih dilanda pandemik COVID-19, namun Arkib Negara tetap komited menganjurkan konvensyen pengurusan rekod dengan norma baharu iaitu secara maya dan telah dihadiri kira-kira 6,000 peserta secara dalam talian.
3. Penganjuran program pengurusan rekod dilihat sebagai wadah penyampaian maklumat dan inisiatif untuk mewujudkan ruang diskusi bagi membincangkan dengan lebih lanjut tentang pengurusan rekod awam yang sentiasa berubah seiring peredaran masa. Justeru, persidangan pada hari ini menggambarkan kesiapsiagaan Arkib Negara Malaysia bersama rakan-rakan strategik iaitu MAMPU dan CGSO untuk menyahut dan mendepani cabaran pengurusan rekod sektor awam seiring dengan amalan budaya baharu dalam memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan. Ia juga selari dengan hasrat untuk memupuk elemen budaya nilai tinggi dalam kalangan penjawat awam berteraskan akauntabiliti dan integriti.

4. Fokus bagi persidangan tahun 2022 ini adalah kepentingan pengurusan perubahan dalam kita melayari arus pendigitalan negara. Antaranya cabaran pengurusan perubahan pendigitalan pengurusan rekod, aspek keselamatan rekod digital, perkongsian pengalaman dalam pelaksanaan pendigitalan pengurusan rekod serta kesan pengurusan perubahan kepada penjawat awam termasuk daripada sudut kesihatan. Seramai 14 ahli panel akan berkongsi inti pati, kepakaran dan pengalaman serta hala tuju bagi 'melajukan' penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat. Sempena persidangan ini juga, pengisian ilmiah turut disediakan melalui pameran, demonstrasi, khidmat konsultansi berkaitan pengurusan rekod yang diharap dapat dimanfaatkan oleh semua yang hadir.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

5. Sebagai penjawat awam, kita sentiasa menggunakan rekod dalam setiap transaksi yang berlaku semasa menjalankan tugas rasmi. Rekod-rekod yang diwujudkan ini perlulah diuruskan dengan sistematik dan efisien sepanjang kitaran hayatnya selaras dengan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa seperti Akta Arkib Negara 2003, Akta Rahsia Rasmi 1972 dan perundangan lain yang berkaitan.
6. Merujuk kepada ucapan YAB Perdana Menteri sempena Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) ke-18 pada 30 Ogos 2022 yang lalu, landskap baharu perkhidmatan awam kini semakin mencabar dan kompleks. Pendigitalan menjadi mantra

nasional dalam memaksimumkan penggunaan teknologi melalui perkhidmatan digital. Pengurusan rekod juga turut terkesan dan mengalami evolusi dari rekod konvensional kepada rekod digital (elektronik). Penglibatan Arkib Negara dalam pendigitalan sektor awam khususnya pengurusan rekod bermula sejak Kerajaan memperkenalkan Kerajaan Elektronik atau e-Government lagi. Pelbagai inisiatif dan kajian yang dijalankan bagi memantapkan pengurusan rekod digital negara.

7. Digital Document Management System (DDMS) mula diperkenalkan pada tahun 2014 hasil kolaborasi strategik Arkib Negara dan MAMPU serta ditambahbaik pada tahun 2016 dengan tambahan rekod rahsia rasmi melalui kerjasama CGSO. DDMS merupakan sistem pengurusan rekod digital yang memenuhi kitaran hayat rekod bermula daripada proses pewujudan, penawanan, penyelenggaraan, dan pelupusan rekod. Pembangunan DDMS ini mematuhi standard dan piawaian antarabangsa dan perundangan pengurusan rekod yang berkuatkuasa. Alhamdulillah, sehingga kini, 280 pejabat awam telah menggunakan DDMS dan jumlah rekod yang ditawan dalam sistem ini adalah sebanyak 7,287,452 unit rekod.
8. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pejabat awam yang telah melaksanakan DDMS. Sememangnya, DDMS terbukti sebagai medium digital perkhidmatan awam penting yang mempunyai banyak faedah seperti capaian 24/7, tiada batas sempadan dan masa, ciri-ciri keselamatan serta amat signifikan terutama dalam situasi bencana seperti COVID-19 dan banjir yang membataskan pergerakan ke pejabat. DDMS ini juga mempunyai salinan *back up* (Disaster Recovery Centre) di PDSA bagi

meneruskan operasi jabatan sekiranya berlaku bencana. Semoga ia menjadi inspirasi kepada pejabat awam yang lain untuk turut bersama 'Keluarga DDMS' dalam memperkasa agenda digital negara. Sesungguhnya, 'collaborative mindset' dan 'sharing of expertise' secara 'sepilin' antara Arkib, MAMPU dan CGSO merupakan formula utama kejayaan DDMS hingga ke hari ini.

9. Arkib Negara Malaysia sebagai peneraju pengurusan rekod negara akan melaksanakan fungsinya secara inklusif untuk terus kekal relevan merentas masa. Oleh yang demikian, Arkib Negara bertekad memperkasa tadbir urus pengurusan rekod negara melalui strategi 4M berikut:

- i) **Mengkaji dan mengemas kini perundangan pengurusan rekod dan pentadbiran arkib;**
- ii) **Memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan melalui pengurusan rekod yang berkesan;**
- iii) **Memperkukuhkan usaha-usaha pengauditan berkaitan pengurusan rekod; dan**
- iv) **Memupuk budaya profesionalisme dalam penyampaian perkhidmatan yang inovatif**

Hadirin yang dihormati sekalian,

10. Trend perkhidmatan digital pada masa kini adalah secara dalam talian (online). Justeru, konsep penyampaian perkhidmatan awam perlu segera berubah bagi menghadapi cabaran yang semakin

kompleks dalam usaha memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan berkeyakinan kepada rakyat. Cabaran digitalisasi ini memerlukan pengorbanan semua warga perkhidmatan awam dalam meningkatkan keupayaan dan kemahiran untuk melahirkan tenaga kerja yang kompetitif, produktif dan kompeten dengan keperluan masa hadapan. Bagi menghadapi cabaran ini, penjawat awam mestilah mahu berubah melalui program *upskilling* dan *reskilling* untuk menjadi tenaga kerja digital (digital workforce).

11. Kita perlu bersama-sama membangunkan negara ke arah masa hadapan yang lebih cemerlang. Perubahan perkhidmatan awam bermula daripada kita dan pentadbiran awam tidak boleh lagi kekal dengan pendekatan lama tetapi perlu berubah dengan menghasilkan idea-idea baharu serta sentiasa cuba melaksanakan kerja dengan cara terkini. Kami amat mengharapkan komitmen dan sokongan khususnya Pengurusan Tertinggi sektor awam bagi sama-sama memacu aspirasi nasional dan merealisasikan hasrat ini.

12. Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara, MOTAC dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan persidangan ini. Semoga segala ilmu yang bakal dikongsikan sebentar lagi oleh barisan panel pembentang kita dapat membuka mata tentang peri pentingnya pengurusan perubahan dan pengurusan rekod dalam persekitaran digital. Bersama kita tanam iltizam untuk beralih daripada rekod konvensional kepada rekod digital dan seterusnya menyumbang kepada kelestarian rekod sebagai khazanah warisan negara.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi taufiq wal hidayah wassalaamu`alaikum warahmatullahi
wabarakaatuh.